

# Kepentingan Elemen Patriotisme dalam Pendidikan Islam Sekolah Menengah

Mohd Erfino Joharin<sup>1</sup> and Norhisham Muhamad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA, erfinokik@gmail.com

<sup>2</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA, nhisham@fsk.upsi.edu.my

**Published:** 15 June 2022

**To cite this article (APA):** Johari, M. E., & Muhamad, N. (2022). Kepentingan Elemen Patriotisme dalam Pendidikan Islam Sekolah Menengah. *Firdaus Journal*, 2(1), 1 - 14. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.1.1.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.1.1.2022>

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneroka kepentingan elemen patriotisme dalam Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Kajian ini dilakukan menggunakan set soalan temu bual yang telah dijalankan ke atas lapan orang Peserta Kajian (PK) yang merupakan Guru Pendidikan Islam di beberapa buah sekolah menengah harian, agama dan berasrama penuh. Data kualitatif daripada temu bual ini dianalisis secara deskriptif menggunakan ATLAS.ti versi 9 bagi mendapatkan tema, subtema dan dapatan kajian. Hasil analisis kajian mendapati, elemen patriotisme amat penting untuk diaplikasikan dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini juga menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara elemen patriotisme dengan keterampilan GPI serta elemen patriotisme dalam pembentukan diri murid. Sememangnya tahap kemahiran dan sikap GPI ke arah menggunakan elemen patriotisme dalam pengajaran adalah positif tetapi mempunyai kelemahan dari aspek perancangan dan pelaksanaan. Justeru, semasa menjalankan proses pengajaran, GPI mesti memastikan kesiapsiagaan dari sudut perancangan dan maklumat agar elemen patriotisme yang bersesuaian dapat diterapkan kepada murid Islam.

## Kata Kunci:

Kepentingan, Patriotisme, Guru Pendidikan Islam, Murid Islam

## PENGENALAN

Keterikatan dan sikap manusia terhadap negara amat banyak diketengahkan dalam penulisan ilmiah. Satu daripada isu utama yang sering dipaparkan ialah semangat patriotisme yang semakin terhakis dalam diri dan jiwa rakyat. Pendidikan Islam berperanan membekalkan dapatan rujukan yang jelas dan tuntas berkaitan nilai kehidupan, pemupukan kesatuan, ketenangan jiwa dan fikiran serta kestabilan sosial. Peranan agama dalam membentuk jati diri serta negarawan yang patriotik telah terbukti dalam sejarah Islam (Muhammad Zul Faisal Omar, 2015).

Sumber rujukan Islam iaitu al-Quran dan al-Hadis banyak menjelaskan kepentingan patriotisme dan perincian ciri-ciri dan nilai-nilainya. Nilai-nilai yang terkandung di dalamnya mampu menjawab segala macam pertanyaan tentang pentingnya patriotisme (Wahid, 2015). Sewajarnya pendidikan patriotisme diserlahkan malah dijuarai oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) dan murid Pendidikan Islam itu sendiri bermula daripada peringkat sekolah.

Pembentukan jati diri manusia untuk agama, bangsa dan negaranya disebut dengan patriotisme. Ia perlu bermula dengan pengukuhan pengetahuan dan kefahaman yang

sebenar. Jalaludin (2015) mengatakan bahawa suatu bangsa terbentuk kerana adanya unsur-unsur dan akar-akar sejarah yang membentuknya. Sebagai perkaitan dengan proses pembentukan ini, kepentingan patriotisme dilihat amat signifikan dengan arus perdana pendidikan, khususnya menerusi Pendidikan Islam. Ia perlu dibangunkan berdasarkan nilai-nilai luhur yang telah ada di dalam diri setiap manusia. Konsep patriotisme adalah sehati dengan fitrah manusia. Pendidikan adalah wadah untuk manusia mengenali, memahami dan menghayati kepentingannya.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Islam dan institusi beraja adalah antara tonggak utama yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Mempertahankannya adalah bukti patriotisme rakyat. Pendidikan Islam dan pengajarannya di sekolah menjadi medan penting untuk mendidik akhlak dan jati diri. Sama ada GPI mahu pun murid, kedua-duanya wajar memastikan bahawa elemen patriotisme diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana dewasa ini, isu melibatkan keruntuhan jati diri dan kelemahan semangat patriotisme semakin banyak dan menggugat kestabilan pembinaan diri dan negara.

Murid selaku sebahagian daripada generasi muda dan pewaris kepimpinan masa hadapan amat diharapkan untuk memiliki jati diri yang teguh. Ismail (2010) menyatakan bahawa keteguhan jati diri di kalangan generasi muda sering kali menjadi kebimbangan masyarakat. Kes-kes yang berteraskan keruntuhan jati diri dan patriotisme, khususnya penghinaan terhadap agama Islam dan institusi raja yang merupakan pancang prinsip kenegaraan di negara ini dilihat semakin meningkat saban tahun. Sepanjang 2019, sebanyak 929 laporan telah diterima oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi kes penghinaan terhadap pancang kenegaraan khususnya agama Islam dan sistem Beraja.

Masalah kelunturan jati diri dan sahsiah di Malaysia tidak boleh dipandang sepi. Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula telah menerima sekitar 10 ribu aduan berkaitan penghinaan terhadap Islam sehingga kini seperti mempersendakan ajaran Islam dalam media sosial. Hari demi hari, gejala ini semakin serius merebak. Kemerostan rasa cinta kepada tanah air semakin melarat. Ia sudah menjadi lumrah dalam dunia pendidikan (Baharom Mohamad et al., 2008; Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009). Patriotisme bersandarkan ajaran Islam amat perlu untuk diketengahkan dengan aktif dan meluas menerusi pendidikan Islam. Sehubungan itu, pengkaji meyakini bahawa adalah kritikal untuk dilaksanakan intervensi dan penambahbaikan pengajaran patriotisme dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam.

Apabila kepentingan patriotisme tidak berjaya dilestarikan di peringkat persekolahan, maka ia akan semakin membahayakan proses penyediaan generasi muda masa kini untuk memimpin negara di masa akan datang. Menurut Davies (1995) dan Tan (1998) patriotisme sering kali diajar secara implisit dan terpisah di sekolah. Pembinaan bangsa dan negara hanya boleh dicapai jika pengetahuan dan kefahaman berkenaan negara dan kenegaraan dididik dan diasuh dalam diri dan pemikiran murid. Mata pelajaran Pendidikan Islam amat penting sebagai wadah pembina akidah, akhlak dan patriotisme murid dan generasi muda.

Secara tradisinya, di peringkat sekolah, mata pelajaran Sejarah biasa dianggap sebagai sandaran untuk penyaluran maklumat berkaitan cinta negara. Rozana Abdul Rahim, et al (2005) menyatakan bahawa masalah sosial yang berleluasa pada masa kini menunjukkan keruntuhan akhlak dalam diri murid. Mata pelajaran lain mungkin dilihat sebagai tiada signifikan dalam memelopori apath lagi untuk menyuburkan patriotisme. Namun, sejauh manakah efektif mata pelajaran Sejarah dalam menyalurkan dan membina karektor murid patriotik? Lebih meruncingkan lagi situasi, kajian lepas sebelum ini menunjukkan berlakunya kelemahan dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah selaku mata pelajaran sandaran untuk jati diri dan patriotisme murid. Dapatan kajian oleh Anuar (2001) berkenaan pelaksanaan patriotisme dalam kalangan guru mata pelajaran Sejarah di beberapa buah sekolah di Negeri Sembilan mendapati seramai 76% guru tidak bersedia untuk melakukan penerapan unsur patriotisme semasa pengajaran walaupun menyedari

kepentingannya. Mereka lebih suka memilih nilai-nilai murni yang lain berbanding unsur patriotisme kerana dikatakan senang untuk diaplikasikan.

Kegagalan guru mata pelajaran tersebut dalam memimpin murid menggunakan keupayaan menilai dan mentafsir serta kurang kemahiran menyelesaikan konflik (Balakrishnan 2004 & Hamidah et al. 2011) (Dalam Sitti Hasnah, Dr. Mohd Maizan, Dr. Abdul Razaq, 2016). Pengkaji melihat bahawa jurang besar kelemahan penitipan patriotisme ini perlu diisi oleh mata pelajaran Pendidikan Islam yang berpotensi mengetengahkan elemen patriotisme dalam ruang lingkup yang lebih besar dan mencapah bagi meningkatkan akhlak dan jati diri bernegara di kalangan murid.

## **OBJEKTIF**

- i. Meneroka kepentingan patriotisme dalam kalangan Guru Pendidikan Islam
- ii. Meneroka kepentingan patriotisme dalam kalangan murid Islam
- iii. Meneroka faktor-faktor penyebab keperluan elemen patriotisme dalam Pendidikan Islam

## **TINJAUAN KEPUSTAKAAN**

Patriotisme bersandarkan ajaran dan Islam amat penting untuk dikaji secara serius dan meluas menerusi pendidikan Islam. Adalah kritikal untuk dilaksanakan intervensi dan penambahbaikan pengajaran patriotisme dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Kemajuan negara juga adalah bergantung kepada murid selaku aset negara yang sangat berharga pada masa akan datang.

Matlamat utama Pendidikan Islam dan Moral ialah untuk melahirkan murid yang berakhlak dan mempunyai nilai terpuji (Baharom Mohamad et.al, 2008) di mana ia diharapkan dapat dipraktikkan dalam kerjaya kelak amat signifikan. Asas kekeluargaan yang kuat adalah amat penting dan berkesan dalam proses menangani isu akhlak murid dan berupaya membantu remaja meninggalkan gejala sosial. Masa depan remaja sebenarnya bukan sahaja menjadi tanggungjawab mereka sendiri tetapi haruslah dibentuk dan dididik oleh keluarga atau golongan terdahulu dengan panduan agama supaya remaja-remaja ini berada pada landasan yang betul sebelum menginjakkan diri ke alam dewasa dan keluarga.

Kajian Mohd Kamal (2012) menunjukkan bahawa orang Melayu Islam pada umumnya masih ada agama, nilai dan ilmu (melebihi 70 peratus) tetapi kurang daripada segi didikan yang menyebabkan amalan dan pelakuan mereka terjejas iaitu tidak dapat diterapkan atau diterjemahkan apa yang diketahui ke dalam bentuk pelakuan dan kehidupan yang sebenar. Dapatan ini turut disokong oleh Nasarudin, Tengku Intan Zarina & Sabri (2018). Inilah faktor utama yang melahirkan begitu banyak gejala sosial dalam kalangan orang Melayu Islam. Patriotisme dalam pengajaran Pendidikan Islam amat penting untuk memperbaiki isu ini demi membangunkan jati diri murid Muslim.

Sesuai dengan tuntutan tersebut, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) dijadikan sebagai agenda pendidikan terbaharu. Kepentingan elemen patriotisme dalam Pendidikan Islam amat signifikan dengan Hasrat pelaksanaan PPPM ini. Agenda PPPM ini bertujuan mencorak pendidikan murid selari dengan Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21) (Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani Hussin, 2017; Abdul Halim, Dayana Farzeeha, Mahani Mokhtar dan Umar Haiyat, 2017; Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2017). Manakala Sufean Hussin (2002), Simin Ghavifekr et.al (2011), Halim Ariffin (2013) serta Hussein Ahmad dan Mohammed Sani (2016), bersepakat dan berselari menyatakan bahawa intervensi dan transformasi yang berlaku dalam sistem pendidikan bertujuan mencemerlangkan pembangunan kemanusiaan. Sehubungan itu, pengkaji akan melaksanakan kajian kepentingan patriotisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk yang digunakan dalam kajian merujuk kepada keseluruhan perancangan pengkaji untuk membuat kajian (Bogdan & Biklen 2003). Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif. Dalam kajian ini, kes merujuk kepada sekumpulan Peserta Kajian (PK) yang terdiri daripada Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) KSSM, Kementerian Pendidikan Malaysia yang berpengalaman mengajar Pendidikan Islam antara 8 tahun hingga 30 tahun. Selain itu, GPI tersebut juga memiliki kekananan pengalaman dan kemahiran dalam bukan sahaja tugas pentadbiran dan hal ehwal murid, tetapi juga sumbangan dan penglibatan dalam pelbagai disiplin di peringkat jabatan, daerah malah kebangsaan. Para PK juga memiliki ciri-ciri yang homogen berdasarkan kriteria pemilihan yang ditetapkan. Disebabkan guru-guru ini daripada pelbagai sekolah, maka ia sesuai dinamakan kajian kes pelbagai lokasi (Merriam 2009).

Kajian ini akan membolehkan pengkaji memahami, memerhati dan meneliti serta menganalisis data. Kajian ini juga akan memerlukan penerokaan mendalam dan pandangan terperinci daripada perspektif peserta kajian dengan menggunakan penggabung jalinan teknik temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Secara dasarnya, pengkaji menumpukan untuk memperolehi kefahaman terhadap bagaimana peserta kajian memberi makna dan persepsi mereka terhadap kepentingan elemen patriotisme dalam Pendidikan Islam dan pengalaman berkaitan dengannya dalam pengajaran. Maka, proses penganalisisan data akan berjalan serentak bersama proses pengumpulan data. Ini bertujuan untuk membentuk makna yang berkesan secara menyeluruh dan mendalam (Merriam 2009). Manakala, data pula akan diberi kod secara terbuka terlebih dahulu sebelum diletakkan dalam bentuk kategori (Strauss & Corbin 1998). Analisis data menggunakan perisian ATLAS.ti 9.

Persampelan kajian diambil daripada hasil temu bual yang dijalankan oleh pengkaji dengan 8 orang GPI di beberapa buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sekolah-sekolah yang dipilih sebagai lokasi kajian merupakan gabungan latar belakang Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Harian (SMK), sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

### **Kepentingan patriotisme dalam kalangan Guru Pendidikan Islam**

GPI amat penting dan signifikan dalam sistem pendidikan negara. Pendidikan Islam merupakan satu pemangkin pelengkap kepada keseimbangan intelektual khususnya kepada murid-murid dan kepada semua manusia amnya. Menurut Husin Sarju *et. al* (2010) amatlah wajar matlamat dan fungsi Pendidikan Islam ditinjau kesannya khususnya dalam sistem pendidikan di Malaysia bagi membendung masalah sosial yang membarah melibatkan pelbagai aspek dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia. Hamidah Sulaiman & *et. al* (2013), mengatakan bahawa kecerdasan rohani dan emosi individu sangat berkait rapat dengan kejayaan mengawal minda dan tingkah laku dalam acuan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, pendidikan Islam yang kukuh yang menekankan konsep tauhid dan mengesakan Allah mampu membentuk akhlak murid Muslim yang komited terhadap tuntutan agama.

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji ke atas 8 orang GPI, maka kepentingan patriotisme dalam kalangan GPI jelas dilihat menerusi pertamanya, peranan GPI itu sendiri sebagai pencetus dan pendokong ke arah pembangunan jati diri generasi muda. Menurut PK1, peranan GPI amat terserlah khususnya untuk memimpin murid agar mereka siap siaga untuk menjadi pemimpin akan datang. Ini selaras dengan kenyataan PK1;

1:68 ¶ 417 *“Murid-murid inilah yang akan pegang tampuk kepimpinan”*

PK5 menyokong pernyataan ini dengan menyatakan;

5:91 ¶ 222 *“Pelajar cinta negara akan jadi pemimpin akan datang”*


Pandangan ini turut diperkuatkan oleh PK6 dengan pernyataan;

6:51 ¶ 253 *“(peranan GPI dalam pengajaran patriotisme ini) bertepatanlah dengan apa yang digarapkan dalam visi dan misi Pendidikan”*

Ini jelas menunjukkan bahawa elemen patriotisme daripada GPI secara langsung menyumbang ke arah pembinaan jati diri murid itu sendiri. Selaras dengan itu, kepentingan patriotisme dalam kalangan GPI ini disokong jelas oleh PK7 dengan menyatakan;

7:81 ¶ 589 *“Pendidikan patriotisme yang dia (murid) terima tadi tu (daripada GPI), dia akan grow up, dia tumbuh”.*

Elemen patriotisme dalam kalangan GPI perlu dipastikan menerusi persediaan dan perancangan dalam pengajaran serta diusahakan peningkatan dari semasa ke semasa bagi memastikan maklumat yang tepat serta selari dengan tuntutan dan ajaran agama dapat disampaikan kepada murid. Jadual 1 menunjukkan kepentingan patriotisme dalam kalangan GPI.



**Jadual 1:** Kepentingan Patriotisme Peranan GPI

Kedua, kepentingan elemen patriotisme dalam kalangan GPI dilihat dari sudut peningkatan sahsiah dan imej selaku pendidik Muslim yang berwibawa. Ini diperkuatkan oleh PK2 yang menyatakan;

2:109 ¶ 644 *“Patriotisme itu memang pentinglah terutamanya untuk GPI”*

Ini juga dinyatakan oleh PK4 apabila menyetarakan signifikan kepentingan patriotisme bukan sahaja untuk GPI malah untuk difahami dan disokong oleh segenap lapisan masyarakat dengan pernyataan;


4:55 ¶ 953 *“Semua pihak berperanan untuk menerapkan elemen patriotisme ni”*  
Beliau turut menambah bahawa akhlak murid adalah cerminan kepada imej GPI,

2:110 ¶ 644 *“Kalau murid kita itu, akhlak dia tak elok, orang akan kaitkan dengan GPI”*

Kepentingan patriotisme adalah selaras dengan fungsi GPI selaku pendidik dan murabbi kepada murid. Ujar beliau dalam perkara ini;

5:75 ¶ 538 *“Memang sangat perlulah patriotisme ini diterapkan oleh GPI kepada setiap muridnya”.*

Jadual 2 menunjukkan kepentingan patriotisme dari sudut meningkatkan imej GPI.



**Jadual 2:** Kepentingan Patriotisme Imej GPI

### **Kepentingan patriotisme dalam kalangan murid Islam**

Aspek kemenjadian murid sentiasa mengungguli antara tempat teratas perspektif pelbagai lapisan masyarakat dan pemegang taruh. Kecemerlangan akademik dan kegemilangan sahsiah sering diletakkan sebagai neraca pengukuran kejayaan bagi sistem Pendidikan itu sendiri. Penerapan nilai dalam membentuk jati diri murid boleh dilihat pelaksanaannya menerusi pelbagai mata pelajaran yang ditawarkan. Sehubungan itu, elemen patriotisme turut menjadi salah satu produk keberhasilan yang amat penting dalam proses pembinaan kecemerlangan yang seimbang serta tuntas ini.

Menerusi temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat dua sub tema yang menjadi indikator kepada kepentingan elemen patriotisme terhadap murid Islam. Pertamanya ialah, pengajaran elemen patriotisme dalam Pendidikan Islam amat berpotensi untuk melahirkan murid Islam yang memiliki keterampilan selaku warganegara yang baik dan berimpak. Kepentingan patriotisme dalam kalangan murid bermula dengan pengetahuan jitu berkaitan patriotisme. Ini dinyatakan oleh PK2;

2:116 ¶ 656 *“penting untuk murid, untuk dia tahu, bahawa kita belajar agama ni bukan hanya untuk hukum hakam...tapi dalam Islam juga diterapkan cinta negara”*

Pandangan ini berselari dengan penjelasan oleh PK3 bahawa kepentingan elemen patriotisme terhadap murid boleh menjadikan mereka sedar akan tanggungjawab mereka terhadap imej negara. Menurut beliau;

3:60 ¶ 899 “...dia tidak akan menjatuhkan maruah negara dia”

Termasuk juga dalam pengertian warganegara yang baik ialah apabila murid itu memegang tampuk kepimpinan di masa hadapan dan menjadikan kepimpinan sebagai salah satu cara membuktikan patriotisme.


5:12 ¶ 130 “Pemimpin yang dilantik bertanggungjawab”

Kepentingan patriotisme juga dilihat dari sudut praktikal di mana pelaksanaan nilai patriotisme itu diterjemahkan oleh murid dalam bentuk warganegara yang mengamalkan adab-adab yang diajar dalam Pendidikan Islam. Ini dinyatakan oleh PK7;

7:131 ¶ 902 “..nak aplikasikan adab-adab yang dipelajari untuk menjadi seorang warganegara yang baik”

Dapatan ini menunjukkan biar pun mata pelajaran Sejarah dianggap sinonim dalam menitikkan semangat patriotisme di kalangan murid, mata pelajaran Pendidikan Islam turut memiliki potensi upaya besar dalam memastikan pengukuhan elemen patriotisme berlandaskan tuntutan dan ajaran agama dapat disalurkan kepada murid Islam. Ini bukan sahaja mengupayakan mereka menjadi generasi muda yang berilmu, tetapi juga menyediakan mereka untuk menjadi warganegara malah pemimpin negara di masa hadapan.

Jadual 3 menunjukkan kepentingan patriotisme dalam kalangan murid Islam dari sudut menjadi warganegara yang baik.



**Jadual 3:** Kepentingan patriotisme melahirkan warganegara yang baik

Manakala subtema kedua pula berkenaan kepentingan elemen patriotisme dalam kalangan murid Islam ialah murid Islam menjadi penentu kepada hala tuju negara di masa hadapan. Pandangan ini diutarakan oleh PK1 yang menyatakan;

1:104 ¶ 711 *“Apa yang akan jadi pada masa hadapan nanti, semuanya bergantung kepada semangat patriotisme pada murid sekarang”*

Pendapat ini turut disokong oleh PK2 yang mengaitkan kemenjadian murid Islam itu yang bergantung kepada faktor penyuburan patriotisme menerusi kefahaman Islam oleh GPI;

2:21 ¶ 216 *“Muridnya akan sentiasa mengukuhkan kefahaman Islam dia”*

Murid Islam yang dididik dengan elemen patriotisme dalam Pendidikan Islam berupaya mencipta kegemilangan di masa hadapan kerana berpotensi memajukan capaian negara dalam pelbagai medan kejayaan. Ini dinyatakan oleh PK4;

4:52 ¶ 877 *“Pemangkin kepada kemajuan negara”*


Masa hadapan dan kejayaannya bergantung kepada sejauh mana murid Islam masa kini dipersiapkan dengan ilmu dan pengetahuan. Elemen patriotisme dalam Pendidikan amat kritikal untuk memacu murid Islam agar sentiasa siap siaga terhadap apa jua bentuk cabaran kehidupan di masa akan datang. Ia jelas seperti yang dinyatakan oleh PK5;

5:50 ¶ 306 *“hendak melahirkan murid Islam yang mampu menghadapi cabaran yang mendatang”*

Pendapat-pendapat ini turut berselari dengan apa yang dinyatakan oleh PK6 berkenaan patriotisme selaku bentuk pendidikan keperibadian yang ampuh dan mendasari kecemerlangan akademik murid;

6:74 ¶ 399 *“kita memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik peribadi murid”*

Jadual 4 menunjukkan kepentingan patriotisme dalam kalangan murid Islam dari sudut penentu hala tuju negara masa hadapan.



**Jadual 4:** Murid penentu hala tuju negara masa hadapan

### **Meneroka faktor-faktor pendorong keperluan elemen patriotisme dalam Pendidikan Islam**

Keperluan elemen patriotisme dalam Pendidikan Islam ditunjang oleh faktor agama, negara dan Pendidikan itu sendiri. Murid dan generasi muda merupakan kumpulan sasaran yang diletakkan harapan untuk memelihara agama, bangsa dan negara. Menurut Zaizul Ab



Rahman, Fauziah Ibrahim dan Nasrudin Subhi (2018) analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti (59.8%) remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat menunjukkan elemen keagamaan yang sederhana sahaja dan perlu dipertingkatkan. Faktor hubungan kejiranan dan semangat cintakan negara Malaysia pula menyumbang sebanyak 3.1% dan 1.4% varians terhadap semangat perpaduan dalam kalangan remaja.

Kombinasi faktor peramal tersebut telah menyumbang sebanyak 40.1% varians terhadap semangat perpaduan dalam kalangan remaja yang tinggal di kawasan perumahan rakyat. Usaha penambahbaikan dalam pendidikan pembinaan jati diri dan patriotisme di peringkat sekolah perlu untuk dipertingkatkan. Patriotisme merupakan elemen jati diri yang amat penting dalam menangkis cabaran gejala sosial di kalangan murid dan remaja. Namun, kajian oleh Mohammad Faizal dan Mohd Zaki (2014) mendapati antara faktor yang mempengaruhi pelajar terlibat dengan gejala keruntuhan akhlak seperti kesalahan seks ialah faktor kurang perhatian daripada ibu bapa, pegangan agama longgar, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh teknologi.

Menerusi dapatan daripada temu bual bersama 8 orang PK, terdapat 3 sub tema utama yang menjadi faktor pendorong kepada keperluan elemen patriotisme dipertingkatkan dalam Pendidikan Islam. Pertamanya ialah patriotisme dalam Pendidikan Islam amat perlu seperti yang dinyatakan oleh PK2 iaitu bagi memastikan negara ini kekal mengamalkan ajaran Islam;

2:22 ¶ 216 *“pastikan negara ini kekal mengamalkan ajaran Islamlah...”*

PK2 turut menambah rasional pandangannya dengan menyatakan bahawa kedudukan Islam dalam perlembagaan negara menjadikan pengekal Islam menjadi satu tanggungjawab bagi setiap warganegara sebagai tanda cinta pada tanah air;

2:18 ¶ 208 *“negara kita kan agama Islam agama persekutuan”*

Pandangan ini turut berselari dengan PK3 yang mengaitkan tanggungjawab orang Islam itu dengan kepimpinan;

3:13 ¶ 395 *“kepimpinan itu datangnya dari orang Islam”*


Selanjutnya, pandangan ini disokong oleh PK5 yang mengaitkan rasional ini dengan Pendidikan Islam;

5:76 ¶ 540 *“sebab dalam mata pelajaran Pendidikan Islam itu sendiri sebenarnya banyak dah nilai sifat mahmudah...”*

lanya juga berselari dengan pandangan PK6 yang menyatakan bahawa keperluan patriotisme ini ialah untuk menyediakan generasi muda agar kukuh dan ampuh dari segenap segi;

6:98 ¶ 553 *“kita tak nak generasi yang sekarang ini, generasi yang leka, lalai...”*

Jadual 5 menunjukkan kepentingan elemen patriotisme dalam Pendidikan Islam ialah bagi memastikan pengekal pengamalan ajaran Islam.



**Jadual 5:** Negara kekal mengamalkan ajaran Islam

Keduanya, keperntingan patriotisme ini selaras dengan tuntutan agama iaitu untuk mempertahankan tanah air. Ini berselari dengan pendapat PK3 bahawa;

3:29 ¶ 535 *“mempertahankan tanah air itu adalah tuntutan syarak”*

Ini diakuri dan disokong oleh PK2 yang menyatakan bahawa dengan menyedari dan memiliki patriotisme, ianya secara tidak langsung menjadikan murid Islam menjaga negaranya;

2:19 ¶ 210 *“secara tidak langsung kita jagalah agama kita tu..”*

Beliau juga menambah bahawa Pendidikan Islam sebenarnya amat luas dan tidak sempit seperti persepsi umum;


2:114 ¶ 654 *“supaya murid ini sedar mata pelajaran Pendidikan Islam ini bukan hanya sekadar tahu rukun iman dan rukun Islam, tetapi diterapkan juga cinta negara”*

Patriotisme jua penting kerana ia menjadi pengikat antara agama dengan negara. Ia juga menyeimbangkan tuntutan tanggungjawab manusia dunia dan akhirat. Inilah yang membentuk sikap orang yang berilmu pengetahuan dan yang memahami tugasannya dalam kehidupan bernegara. Keselarian ini jelas dipaparkan menerusi pandangan yang dinyatakan PK3, PK4 dan PK8;

3:56 ¶ 871 *“bila menjaga agama maksudnya negara dia akan terjagalah”*  
4:54 ¶ 945 *“seimbangkan antara dunia dengan akhirat”*

8:78 ¶ 1047 *“kita nak terapkan nilai patriotisme dalam diri kita seorang yang berilmu kan”*

Jadual 6 menunjukkan keperntingan elemen patriotisme menerusi tuntutan agama mempertahankan tanah air.



**Jadual 6:** Mempertahankan negara tuntutan agama

Manakala sub tema ketiga bagi kepentingan patriotisme dalam Pendidikan Islam ialah kerana nilai kecukupan dan kecakupan patriotisme dilihat lebih luas dan besar berbanding dalam mata pelajaran lain. Ia jelas diperhatikan menerusi pendapat PK7 dalam perkara ini;

7:59 ¶ 443 *“patriotisme dalam Pendidikan Islam lebih besar daripada konsep semangat cintakan negara dalam subjek Sejarah”*

Pendapat ini berselarai dengan PK2 yang mendefiniskan patriotisme Pendidikan Islam lebih besar kerana ia menyentuh sistem kehidupan seluruhnya;

2:138 ¶ 788 *“sebab hidup kita pun memang mesti berlandaskan syariat”*

Apabila hidup terpandu dan tersusun dengan patriotisme Islam, maka cinta negara dapat dipupuk dengan cara yang terbaik;

4:51 ¶ 877 *“dapat memupuk semangat cinta pada negara”*

Bagi PK6, pemupukan patriotisme sebegini juga akan menjadi landasan terbaik kepada GPI dan murid Islam untuk menyumbang kepada negara;

6:54 ¶ 257 *“untuk memberi sumbangan kepada negara sendiri”*


Dengan keluasan impak patriotisme anjuran Pendidikan Islam, ia bukan sahaja memberi kesan positif kepada negara, malah ia juga memastikan yang patriotisme memandu manusia agar mencintai negara dengan cara yang sebenar dan tidak terpesong angkara pelbagai elemen negatif seperti perkauman, buruk sangka dan sebagainya;

7:60 ¶ 451 *“jika tiada yang berpengetahuan Islam, kemungkinan besar patriotisme tak wujud”*

Elemen patriotisme yang diketengahkan dalam Pendidikan Islam ini semestinya menjadikan posisi dan posesi GPI amat diperlukan dalam sistem pendidikan negara;

8:73 ¶ 958 *“bila kita ada patriotisme ni, peranan GPI besar lagilah...”*

Berdasarkan dapatan kajian ini, jelaslah bahawa elemen patriotisme amat penting malah signifikan untuk diketengahkan menerusi mata pelajaran Pendidikan Islam. Jadual 7 menunjukkan kepentingan elemen patriotisme dalam Pendidikan Islam.



**Jadual 7:** Kepentingan Elemen Patriotisme Dalam Pendidikan Islam

Elemen patriotisme bukan sahaja membekalkan pengetahuan dan pemahaman tuntas terkait patriotisme, tetapi ia juga berfungsi untuk meningkatkan imej dan peranan GPI, menyediakan murid Islam selaku generasi muda dan pemimpin masa hadapan serta ianya amat berselari dengan misi dan visi pendidikan negara dan tuntutan syarak dalam masa yang sama.

## **KESIMPULAN**

Patriotisme amat penting bagi membina profesionalisme dan kecakupan peranan GPI. Ia juga penting untuk pembinaan jati diri murid Islam dalam membina pengetahuan yang tepat serta kefahaman yang tepat berkenaan tuntutan patriotisme anjuran agama. Menurut Wan Hasni (2013), patriotisme telah pun wujud sejak sekian lama di Malaysia, namun pada masa dahulu, ia lebih dikenali dengan nama kepercayaan atau suatu etnosentrisme. Peranan yang menurus dan berfokus perlu dimainkan oleh semua pihak khususnya ibu bapa, pihak berkuasa, pihak sekolah dan masyarakat setempat. Atas segalanya, kepentingan patriotisme dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah amat jelas dan kritikal atas faktor keselariannya dengan kedudukan Islam selaku agama persekutuan di Malaysia dan tuntutan syarak yang sememangnya menggariskan patriotisme sebagai elemen penting pembinaan jati diri Muslim.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dalam kepelbagaian budaya: Harapan dan cabaran. *Kertas Kerja* Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8) anjuran IPG Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur pada 19 September 2017.
- Abdul Halim, Dayana Farzeeha, Mahani Mokhtar dan Umar Haiyat. (2017). Mathematics teachers' level of knowledge and practise on the implimentation of higher-order thinking skills (HOTS). *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 13(1), 3-17.
- Ainun Rahmah Ibrahahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pembelajaran abad ke21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Anuar Ahmad (2001). Warganegara Patriotik, Masyarakat Sivil dan Pendidikan Sejarah. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah Ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik. Pusat Perkembangan Kurikulum dan Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: 8-12 Oktober.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Za'aba Helmi Khamisan (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008. 22-23 Oktober 2008. Universiti Teknologi Malaysia.
- Balakrishnan, V. 2004. Rebirth of Civics and Citizenship Education in Malaysia. *Masalah Pendidikan*, 27, 221–228. Retrieved from <http://myais.fsktm.um.edu.my/5105/>
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. 2003. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods*. Boston: Pearson Education Group, Inc.
- Davies, I. (1995). Teaching and Learning about interpretation of the recent European past for the purposes of developing European citizenship". *Teaching History*. 81. pp 26-31.
- Halim Arifin. (2013). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan* (Tesis Doktor Falsafah). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamidah Ab. Rahman dan Hamidah Abd. Rahman et al. 2011 Kajian tinjauan hubungan etnik dalam kalangan pelajar tahun satu di kampus Johor Baharu. *Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Jurnal Teknologi* 54 (sains sosial) Jan 011: 65-76 @ Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamidah Sulaiman & et. al (2013). *The Application of Information Technology among Trainee Counselors*. 1877-0428 © 2013 The Authors. Published by Elsevier Ltd.
- Husin Sarju (2010) – Husin Sarju, Rohana binti Hamzah, Amirmudin bin Udin. (2010). *Pendidikan: Matlamat dan Fungsinya*. Retrieved August 18, 2017: [http://eprints.utm.my/14919/1/Pendidikan\\_-\\_eprint4.pdf](http://eprints.utm.my/14919/1/Pendidikan_-_eprint4.pdf), h.1-2
- Hussein Ahmad dan Mohammed Sani (2016). *Transformasi Pendidikan Nasional Antara Aspirasi dan Anjakan*. Dalam *Transformasi Pendidikan Nasional Antara Aspirasi dan Anjakan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ismail Bakar. 2010. *Sejarah kepimpinan dan politik ke arah pembentukan jati diri kebangsaan*. Dlm. Mohd Yusof Osman (pnyt.). *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, hlm.197-120. Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jalaluddin, Rakhmat (2015). *Psikologi Komunikasi*. Bandung. Remaja Rosdakarya
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2),2009, 1-14.

- Merriam, S. B. 2009. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: John Wiley & Sons.
- Mohammad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak. (2014). *Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Kamal Hassan. (2012, 5 Jun). *Cabaran Semasa Dan Masa Depan Dunia. Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Perbincangan Meja Bulat - Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur
- Muhammad Zul-Faisal Omar (2015). *Agama dan Negara*. CASIS-UTM KL Dengan Kerjasama Akademi Kenengaraan Kuala Lumpur.
- Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Sabri Mohamad (2018).
- Rozana Abd. Rahim dan Nor Hashimah Hashim "Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan Sekolah Rendah". *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005, Universiti Sains Malaysia, 2005*.
- Simin Ghavifekr, Sufean Hussin dan Muhammad Faizal A. Ghani (2011). *The Process of Malaysian Smart School Policy Cycle: A Qualitative Analysis*. *Journal of Research and Reflections in Education*. 5(2), 83 -104.
- Sitti Hasnah binti Bandu, Dr. Mohd Mahzan bin Awang, Prof Madya Dato' Dr. Abdul Razaq bin Ahmad Penerapan Kompetensi Kewarganegaraan dalam Kalangan Pelajar Pelbagai Etnik Peringkat Sekolah Menengah di Malaysia. (2016). *prosiding persidangan pemantapan citra kenegaraan 4 (cosna 4)*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Strauss, A & Corbin, J. 1998. *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. Thousand Oaks: Sage Publication, Inc.
- Sufean Hussin (2002). *Kualiti Pengajaran-pembelajaran dan Keberkesanan Sekolah: Kerangka dan Model Untuk Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tan Ai Hoon (1998). *Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah Rendah (KBSM): Satu Kajian Terhadap Pemikiran Guru Mengenai Hasrat dan Pelaksanaannya*. Thesis Sarjana yang tidak diterbitkan. USM.
- Wahid, *Nasionalisme Islam Nusantara: Keislaman dan Keindonesiaan*, (Jakarta: Kompas Media, 2015).
- Wan Hasni et. Al (2013). *Amalan Patriotisme Melalui Unsur-Unsur Sejarah Tanah Air Dalam Pendidikan Pra-Sekolah*. Wan Hasni Wan Ahmad, Raja Adila Ismail, Wan Ahmad Abd. Hakim Wan Dagang, Raja Zaid Raja Kadir & Ghzali Ismail. *Dalam International Conference on Early Childhood Education Universiti Pendidikan Guru Kampus Tuanku Sultan Mizan*.
- Zaizul Ab Rahman, Fauziah Ibrahim & Nasrudin Subhi (2018). *Faktor Keagamaan Yang Mempengaruhi Semangat Perpaduan Dalam Kalangan Remaja Yang Tinggal Di Kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR)*. *Global Journal Al Thaqafah (GJAT)*. Volume 8 Issue 1,03-114.